



## MAJLIS DAERAH MARANG

21600 Marang, Terengganu Darul Iman.

Talian Am : +609 618 2366 / +609 618 2368 Faks : +609 618 2490 <http://www.mdmarang.gov.my>.

### Borang Perlindungan Data Peribadi Untuk Pelanggan

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR

NAMA : \_\_\_\_\_

NOMBOR KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), bagi tujuan mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi anda, persetujuan jelas perlu diperolehi dari anda sebelum sesuatu perkhidmatan dilaksanakan. Bagi tujuan memproses permohonan ini, data peribadi anda mungkin perlu didedahkan kepada beberapa pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Majlis Daerah Marang (MDM). Maklumat lanjut berkaitan Notis Perlindungan Data Peribadi MDM boleh diperolehi melalui portal rasmi MDM di <http://www.mdmarang.gov.my>.

#### Deklarasi

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisyiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi MDM dan saya menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada MDM:

- ✓ Untuk meminta, memperolehi, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan dan promosi yang ditawarkan oleh MDM; dan
- ✓ Untuk membenarkan MDM menzahirkan data peribadi saya kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi MDM apabila dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalamnya.

Saya seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang saya telah berikan adalah benar, terkini dan tepat. Saya juga faham bahawa saya boleh memohon untuk mendapatkan akses kepada data peribadi saya untuk tujuan mengemas kini atau membetulkan data tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada MDM dengan serta merta.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



## **PERSONAL DATA PROTECTION POLICY MAJLIS DAERAH MARANG**

Marang District Council (MDM) respects and is committed to protecting your personal data. This policy outlines how MDM collects, uses, stores and disposes of your personal data. This Personal Data Protection Policy ("Policy") carries the same meaning as set out in the Personal Data Protection Act, 2010 (Act 709).

### **TYPES AND SOURCES OF PERSONAL DATA AND PROCESSING PERMISSIONS**

Personal data provided voluntarily by you in our forms, agreements, websites and/or other related documents may contain informations including but not limited to your name, identity card number/ passport number, address, e-mail address, telephone number, age, gender, race, nationality, religion, photographs and account number (collectively "Personal Data"). By voluntarily providing your Personal Data, you give us permission to collect, use and process your Personal Data.

### **DISCLOSURE OF PERSONAL DATA (IN AND/OR OUTSIDE MALAYSIA)**

We do not disclose your personal data to unrelated third parties without your permission. However we will disclose your personal data if required to do so by law or in good faith, if such action is necessary to (i) comply with the requirements of any law enforcement agency, court order or legal process; or (ii) protect and defend the rights or property of MDM and related.

### **STORAGE OF PERSONAL DATA**

We will only retain your Personal Data for as long as necessary to fulfill the purpose for which it was collected or to comply with legal and regulatory requirements as well as internal requirements in accordance with our personal data retention policy. Thereafter, we will destroy or permanently delete your Personal Data.

### **RIGHT TO ACCESS AND/OR CORRECTION OF PERSONAL DATA**

You have the right to:

- check whether we store your Personal Data and request access at the same time;
- correct any inaccurate, incomplete and out of date Personal Data;
- withdraw permission for us to process your Personal Data (either in whole or in part) by written notice, subject to the terms of the contract as well as any legal restrictions; and/or
- contact us to object if your Personal Data is used for marketing purposes.

If you wish to request access or make corrections to your Personal Data or restrict your Personal Data from being processed, all inquiries or complaints can be submitted to Unit Integriti, Majlis Daerah Marang at 09-6182366.

**TUAN HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH @ ABDUL LATIF  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH MARANG  
1 JANUARI 2025**



## **POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MAJLIS DAERAH MARANG**

**MAJLIS DAERAH MARANG (MDM)** menghormati dan komited dalam melindungi data peribadi anda. Polisi ini menggariskan cara MDM mengumpul, menggunakan, menyimpan dan melupus data peribadi anda. Polisi Perlindungan Data Peribadi ini ("Polisi") membawa makna yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 (Akta 709).

### **JENIS-JENIS DAN SUMBER DATA PERIBADI DAN KEBENARAN PEMPROSESAN**

Data peribadi yang diberikan secara sukarela oleh anda di dalam borang-borang kami, perjanjian, laman sesawang dan/atau lain-lain dokumen yang sehubungan dengannya mungkin mengandungi maklumat termasuklah tetapi tidak terhad kepada nama anda, nombor kad pengenalan/nombor passport, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, umur, jantina, bangsa, kewarganegaraan, agama, gambar foto dan nombor akaun anda(secara kolektifnya "Data Peribadi"). Dengan memberikan Data Peribadi anda secara sukarela, anda memberi kebenaran kepada kami untuk mengumpul, menggunakan dan memproses Data Peribadi anda.

### **PENDEDAHAN DATA PERIBADI (DI DALAM DAN/ ATAU DI LUAR MALAYSIA)**

Kami tidak menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang tidak terlibat tanpa kebenaran daripada anda. Walau bagaimanapun kami akan menzahirkan data peribadi anda jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh undang-undang atau secara niat baik, jika tindakan itu adalah perlu untuk (i) mematuhi kehendak mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; atau (ii) melindungi dan mempertahankan hak atau harta MDM dan yang berkaitan.

### **PENYIMPANAN DATA PERIBADI**

Kami hanya akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman mengikut polisi penyimpanan data peribadi kami. Selepas itu, kami akan memusnahkan atau menghapuskan terus Data Peribadi anda.

### **HAK AKSES DAN/ATAU MEMBETULKAN DATA PERIBADI**

Anda berhak untuk :

- menyemak sama ada kami menyimpan Data Peribadi anda dan meminta akses pada masa yang sama;
- membetulkan apa-apa Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap dan yang tidak terkini;
- menarik balik kebenaran untuk kami memproses Data Peribadi anda (sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya) melalui notis bertulis, tertakluk kepada syarat-syarat kontrak dan juga sebarang sekatan undang-undang; dan/atau
- berhubung dengan kami untuk membuat bantahan sekiranya Data Peribadi anda digunakan bagi tujuan pemasaran.

Sekiranya anda ingin meminta akses atau membuat pembetulan ke atas Data Peribadi anda atau menghadkan Data Peribadi anda dari diproses, segala pertanyaan atau aduan boleh dikemukakan kepada Unit Integriti, Majlis Daerah Marang di talian 09-6182366.

**TUAN HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH @ ABDUL LATIF  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH MARANG  
1 JANUARI 2025**